

Topik 18: Dua Perjanjian, Bahagian II

Kita telah belajar dalam siri sebelum ini bagaimana Yesus, sebagai Mesias datang ke dunia ini untuk menggenapi perjanjian yang telah Dia janjikan kepada umat Israel selama 7 tahun. (Dalam 7 tahun ini, mereka telah dipilih untuk dijadikan sebagai umat pilihan Allah.)

Nubuatan yang telah dibuat oleh Zachariah, juga bapa kepada Yohanes Pembaptis, telah menerangkan perjanjian pekerjaan Yesus seperti berikut:

Dan Zakharia, ayahnya, penuh dengan Roh Kudus, lalu bernubuat, katanya: "Terpujilah Tuhan, Allah Israel, sebab Ia melawat umat-Nya dan membawa kelepasan baginya, Ia menumbuhkan sebuah tanduk keselamatan bagi kita di dalam keturunan Daud, hamba-Nya itu, -seperti yang telah difirmankan-Nya sejak purbakala oleh mulut nabi-nabi-Nya yang kudus-untuk menunjukkan rahmat-Nya kepada nenek moyang kita dan mengingat akan perjanjian-Nya yang kudus, yaitu sumpah yang diucapkan-Nya kepada Abraham, bapa leluhur kita, bahwa Ia mengaruniai kita, supaya kita, terlepas dari tangan musuh, dapat beribadah kepada-Nya tanpa takut, dalam kekudusan dan kebenaran di hadapan-Nya seumur hidup kita. (Lukas 1:67-70, 72-75)

Dalam pemikiran nabi, salah satu dari musuh mereka termasuklah syaitan dan jin, kerana merekalah yang menggoda kita supaya kita buat dosa dan melawan bisikan roh suci untuk membuat perkara yang baik.

Adakah perjanjian ini hanya untuk orang Israel? Adakah ini hanya untuk orang beriman sahaja? Atau adakah ini untuk orang bukan Israel yang tidak hidup dengan iman? Jawapan untuk soalan ini sangat penting untuk kita semua. Para nabi mengajar kita:

1. Berkat perjanjian Abraham adalah untuk mereka yang setia: iaitu semua orang yang berjalan dalam iman.
2. Orang Israel yang tidak berjalan dengan iman tidak berhak untuk mendapatkan perjanjian ini.

Kadangkala, umat Israel yang tidak percaya juga mendapat berkat perjanjian ini. Jika Allah mahu, contohnya, menyelamatkan Raja Daud, yang merupakan imam yang hidup dalam

iman, semua orang dalam kerajaannya juga terselamat walaupun sebahagian dari mereka tidak berjalan dalam iman.

Apakah sebenarnya perjanjian itu? Apakah janji yang Allah telah berikan kepada mereka? Jawapan yang paling sesuai untuk soalan ini berkaitan dengan sejarah nabi Musa. Apabila Musa menerima Hukum Sepuluh dari Allah, Gunung Sinai pada waktu itu berasap dan bergegar.

Rakyat memohon kepada Musa dan Harun “Kami tidak mahu mati disebabkan kemudiaan Allah, jadi mula dari sekarang, engkau sahajalah yang menjadi pengantara kami untuk menyampaikan mesej yang Allah telah berikan kepada kami. Kemudian, beritakan kepada kami apa yang harus kami perbuat. Dan apa sahaja yang diminta Oleh Allah, kami akan lakukan semuanya itu.”

Dalam erti kata yang lain, mereka berjanji bahawa mereka akan menurut apa sahaja yang dikatakan oleh Allah kepada mereka tetapi dengan syarat, Musa akan menjadi pengantara mereka.

Apakah yang telah dikatakan oleh Allah kepada Musa berkaitan dengan perjanjian itu? Allah telah memberikan kepada mereka janji yang baik tetapi mereka tidak mendapatkannya kerana hati mereka keras dan tidak dapat diubah tanpa kuasa Allah.

Ketika TUHAN mendengar perkataanmu itu, sedang kamu mengatakannya kepadaku, maka berfirmanlah TUHAN kepadaku: Telah Kudengar perkataan bangsa ini yang dikatakan mereka kepadamu. Segala yang dikatakan mereka itu baik. Kiranya hati mereka selalu begitu, yakni takut akan Daku dan berpegang pada segala perintah-Ku, supaya baik keadaan mereka dan anak-anak mereka untuk selama-lamanya! (Ulangan 5:28, 29)

Perjanjian yang Allah telah janjikan kepada mereka adalah sama dengan janji yang telah diberikan kepada Abraham suatu ketika dahulu. Masalah mereka kini dapat diselesaikan apabila Allah memberikan mereka hati yang baru dan pengampunan dosa. Tidak seperti perjanjian yang dibuat diantara mereka pada zaman Musa dan Allah (berdasarkan janji manusia), Allah membuat semua perjanjian ini di dalam perjanjian baru.

“Maka inilah perjanjian yang Kuadakan dengan kaum Israel sesudah waktu itu,” demikianlah firman Tuhan. "Aku akan menaruh hukum-Ku dalam akal budi mereka dan menuliskannya dalam hati mereka, maka Aku akan menjadi Allah mereka dan mereka akan menjadi umat-Ku. Sebab Aku akan menaruh belas kasihan terhadap kesalahan mereka dan tidak lagi mengingat dosa-dosa mereka. (Ibrani 8:10,12)

Selain daripada daripada diberikan hati yang baru dan pengampunan dosa, perjanjian ini juga memberi kita harapan akan masa depan dimana Allah akan membina Kerajaan- Nya yang kekal untuk selama- lamanya dimana semua orang akan mengenali- Nya.

Dalam zaman sekarang ini, janji akan pengampunan dosa dan hati yang bersih adalah dua perkara yang sangat diingini oleh semua orang.

Sekiranya anda bingung, baca penjelasan ini. Perjanjian yang dibuat pada masa dahulu dengan “rumah Israel,” itu diberikan khas untuk mereka dalam jangka masa tiga tahun setengah. Selepas masa itu, injil perjanjian ini akan diberikan kepada seluruh bangsa di dunia ini. Ini disebabkan mereka sendiri yang menolak untuk menjadi umat pilihan Allah dan mereka tidak bertaubat dari kesalahan mereka.

Jadi, mereka yang beriman akan diberkati bersama-sama Abraham, orang yang percaya itu. (Galatia 3:9)

Berkat ini juga boleh menjadi milik kita sama ada kita adalah orang Israel ataupun bukan. Ini semua telah direncanakan oleh Allah bahkan sebelum dia membuat perjanjian itu dengan Abraham lagi. Musa mengatakan Perjanjian itu akan diberikan kepada Abraham dahulu dan kemudian, melalui dia, seluruh bangsa di dunia ini akan diberkati. Maksudnya adalah perjanjian ini bukan hanya milik mereka.

Aku akan memberkati mereka yang memberkatimu, tetapi orang yang mengutukmu akan Aku kutuk. Melalui mu, semua kaum di bumi akan diberkati. (Kejadian 12:3)

Kita ada satu lagi perkara untuk dibincangkan. Kita telah tahu mengapa Mesias, iaitu Yesus datang ke dunia ini. Dia datang untuk mengajar kita tentang firman Allah. Dia datang untuk menebus dosa kita. Tetapi oleh kerana Dia telah diangkat ke syurga, apakah yang Dia lakukan disana? Persoalan ini dijawab oleh Nabi Daud, ayah kepada Salomo (Sulaiman).

TUHAN telah bersumpah, dan takkan menyesal, "Engkau adalah imam untuk selamanya-lamanya, menurut Melchisedek. Tuhan ada di sebelah kananmu, Dia akan menghancurkan raja-raja pada hari murka-Nya. (Mazmur 110:4, 5)

Mungkin anda masih ingat bahawa Melchizedek adalah umat Allah yang memberkati Abraham selepas Abraham menyelamatkan Lot dari orang- orang Sodom. Musa ada bercakap tentang Imam Besar Allah. Tetapi tidak ada catitan yang mencatatkan bahawa Melchizedek ini berasal dari keturunan apa. Tidak seperti imam Israel.

Dan sebagai seseorang yang memberkati Abraham, dia sudah tentu mempunyai kuasa yang lebih besar dari Abraham. Fakta ini menjadikan dia (Melchizedek) sebagai ilustrasi yang baik yang menerangkan tentang Mesias dimana Dia bukanlah sebahagian dari keluarga

imam, tetapi akan menjadi imam selama- lamanya, sama seperti apa yang telah Allah janjikan kepada Daud.

Maksudnya adalah, Yesus merupakan imam kita sekarang. Begitulah apa yang diajarkan oleh para nabi mengenai- Nya. Yesus adalah imam kita, Dia mengetahui kekurangan kita, dan kita boleh datang kepada- Nya untuk meminta pertolongan.

Karena kita sekarang mempunyai Imam Besar Agung, yang telah melintasi semua langit, yaitu Yesus, Anak Allah, baiklah kita teguh berpegang pada pengakuan iman kita. Sebab Imam Besar yang kita punya, bukanlah imam besar yang tidak dapat turut merasakan kelemahan-kelemahan kita, sebaliknya sama dengan kita, Ia telah dicobai, hanya tidak berbuat dosa. Sebab itu marilah kita dengan penuh keberanian menghampiri takhta kasih karunia, supaya kita menerima rahmat dan menemukan kasih karunia untuk mendapat pertolongan kita pada waktunya. (Ibrani 4:14-16)

Kamu telah mempelajari banyak perkara tentang apa yang telah dikatakan oleh para nabi. Tetapi para nabi bukanlah Mesias. Mereka hanya mengarahkan ajaran mereka kepada Yesus. Pernahkah anda datang kepada Yesus apabila anda memerlukan pertolongan? Adakah anda berterima kasih kepada- Nya kerana Dia telah datang untuk menebus dosa kita semua? Pernahkah anda datang kepada- Nya dan memohon pengampunan dosa?

Kita akan belajar dengan lebih banyak lagi mengenai wahyu yang Allah berikan kepada para nabi di dalam siri yang seterusnya.